



## EKONOMI

Tarikh akhir sertai RFP perkhidmatan pengkomputeran awan pada 12 Okt - MAMPU



08/10/2020 07:05 PM

PUTRAJAYA, 8 Okt -- Tarikh akhir bagi pembekal perkhidmatan pengkomputeran awan menyertai Request for Proposal (RFP) adalah pada 12 Okt ini, kata Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

MAMPU dalam satu kenyataan hari ini berkata RFP telah diiklankan pada 15 September lepas bagi mendapatkan cadangan daripada para pembekal untuk menawarkan perkhidmatan 'public cloud' kepada kerajaan.

Syarikat yang berkemampuan dan mempunyai teknologi bersesuaian dengan keperluan penggunaan agensi kerajaan dalam memberi perkhidmatan menyeluruh dan sempurna kepada rakyat boleh mengambil bahagian dan mengemukakan tawaran masing-masing untuk pertimbangan kerajaan.

"Pembekal perkhidmatan pengkomputeran awan yang menyertai RFP ini akan dinilai. Syarikat yang berjaya dalam penilaian tersebut akan dilantik sebagai panel pembekal pengkomputeran awan melalui mekanisme mirip kepada Kontrak Panel Berpusat.

"Melalui kaedah ini, perkhidmatan panel tersebut tersedia untuk dilanggan oleh agensi kerajaan. Tarikh tutup untuk menyertai RFP ini adalah pada 12 Oktober 2020, pukul 12.00 tengah hari," kata MAMPU.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai RFP boleh layari laman web <https://www.mampu.gov.my/ms/awam/notis-tender-sebut-harga>.

Menurut, MAMPU, RFP itu adalah susulan pengumuman Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 15 Ogos lepas yang menyatakan syarikat multinasional seperti Google, Amazon dan Microsoft turut menunjukkan minat untuk melibatkan diri dalam pelaburan di Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengkomputeran awan.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengkomputeran Awan (CCC) sebagai badan penasihat berkaitan pengkomputeran awan dalam sektor awam.

Jawatankuasa itu dipengerusikan secara bersama oleh MAMPU dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang menentukan aspek tadbir urus, perolehan, keselamatan, perundangan dan teknikal bagi melaksanakan perkhidmatan pengkomputeran awan dalam sektor awam.

MAMPU berkata perkhidmatan pengkomputeran awan disediakan kepada sektor awam melalui MyGovCloud@PDSA sebagai Government Private Secured Cloud yang boleh menampung hampir 25 peratus daripada keperluan perkhidmatan pengkomputeran awan dalam sektor awam.

"Kerajaan berhasrat supaya public cloud iaitu perkhidmatan pengkomputeran awan menjadi pelengkap kepada MyGovCloud@PDSA bersama pengkomputeran awan secara hibrid dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

-- BERNAMA